

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN IBADAT DAN PENGURUSAN JENAZAH DALAM KAPAL SELAM

Daftar Istilah

- a. *Ibadat*

Ibadat yang dimaksudkan dalam garis panduan ini meliputi cara bersuci, menunaikan solat dan menguruskan jenazah.

- b. *Maqasid al-Syariah*

Matlamat/tujuan dalam menjaga kesucian agama, akal, nyawa, harta dan keturunan.

- c. *Tayammum*

Perbuatan menyapu debu tanah yang suci pada muka dan dua tangan sebagai gentian mandi dan wuduk kerana ketiadaan air atau halangan dalam penggunaan air.

- d. *Body bag*

Beg plastik yang digunakan untuk mayat yang sudah di kapan.

- e. *Rukhsah*

Keringanan terhadap ketetapan hukum syarak dengan syarat-syarat yang tertentu.

- f. *Taklif*

Kewajipan (tanggungan, hukum dan sebagainya) syariat yang dikenakan pada seseorang.

- g. *Kritikal*

1. Tujuan

Garis Panduan Pelaksanaan Ibadat dan Pengurusan Jenazah Dalam Kapal Selam ini disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk dijadikan rujukan kepada Markas Angkatan Kapal Selam Malaysia secara khususnya dan Tentera Laut DiRaja Malaysia secara amnya. Dengan adanya garis panduan ini, diharapkan anak kapal dapat memberikan sepenuh tumpuan terhadap tugas di samping menunaikan tanggungjawabnya sebagai Muslim dengan lebih berkesan. Selain itu, ia juga memberikan panduan kepentingan penjagaan *Maqasid al-Syariah* dalam apa juga keadaan.

2. Pengenalan

- 2.1 Isu pelaksanaan ibadat dalam kapal selam berbangkit apabila kerajaan Malaysia telah membeli dua buah kapal selam iaitu KD Tunku Abdul Rahman dan KD Tun Razak yang dinamakan kelas Perdana Menteri pada tahun 2009.
- 2.2 Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kalendar Islam pada 13 April 2010 Jakim telah mengambil inisiatif menyediakan garis panduan ini bagi mengelakkan sebarang isu dan kekeliruan yang mungkin timbul dalam perlaksanaan ibadat dalam kapal selam.
- 2.3 Cara bersuci, menunaikan solat, menguruskan jenazah dan sebagainya dapat diaplikasikan oleh anak kapal.

3. Pelaksanaan Ibadah Dalam Kapal Selam

Pelaksanaan ibadah dalam kapal selam merangkumi perkara berikut:

3.1 Bersuci dari hadas

3.1.1 Hadas kecil

- i. Bersuci dengan menggunakan air sekiranya pihak pengurusan mengatakan penggunaan air untuk bersuci dalam kapal selam mencapai tahap kritikal, maka anak-anak kapal hendaklah menggunakan cara seterusnya;
- ii. Beristinjak dengan menggunakan bahan yang keras, kesat suci, mampu menghakis kekotoran dan tidak terhormat menurut syarak seperti kertas dan tisu.

Syarat-syarat beristinjak adalah seperti berikut:

- i. Bahan yang digunakan untuk beristinjak sesuatu yang suci, bukan najis dan bukan bahan yang dihormati.
- ii. Bahan yang kering.
- iii. Bahan yang kesat.
- iv. Bahan yang digunakan tidak kurang daripada tiga helai/biji atau sesuatu yang ada tiga bucu. Contohnya tiga biji batu atau sebiji batu yang mempunyai tiga bucu.

3.1.2 Hadas besar

- i. Bersuci daripada hadas besar hendaklah dengan cara mandi wajib menggunakan air atau bertayammum.

Antara sebab-sebab yang mengharuskan tayammum adalah seperti yang berikut:

- i. Air yang ada tidak mencukupi untuk wudu' ataupun mandi/ air yang ada lebih diperlukan untuk tujuan tertentu pada masa akan datang.
- ii. Terhalang daripada menggunakan air diantaranya sakit.
- iii. Khuatir penyakit lambat sembah.
- iv. Takut berlaku kerosakan harta ketika mencari air.
- v. Iklim yang sangat sejuk atau air menjadi sangat sejuk.

3.2 Suci Daripada Najis

3.2.1 Pakaian

Pakaian kalis api yang terkena najis (percikan air kencing / tahi), hendaklah disucikan dengan cara berikut:

- i. Hilangkan 'ain najis dengan tisu dan sedikit air sehingga tiada warna (mata), bau (hidung) dan rasa (tangan).
- ii. Sekiranya pihak pengurusan mengatakan penggunaan air untuk bersuci dalam kapal selam mencapai tahap kritikal, maka anak-anak kapal hendaklah menggunakan cara seterusnya;

- iii. Penggunaan tisu yang disediakan di dalam kapal selam adalah alternatif yang terbaik sekiranya air terhad.
- iv. Sekiranya najis tidak dapat dikesan atau tidak diketahui atau sukar dielak seperti percikan air kencing, maka ia dimaafkan.

3.2.2 Tempat

Tempat melaksanakan solat hendaklah bersih daripada najis

3.3 Cara Melaksanakan Ibadat Solat

3.3.1 Rukun *Fi'li* (Perbuatan)

Dalam semua keadaan, anak kapal wajib melaksanakan ibadat solat fardhu. Sekiranya menghadapi kesukaran untuk mendirikan solat dalam secara biasa, maka diharuskan dengan mengikut urutan berikut:

- i. Jika tidak berupaya berdiri, hendaklah solat dikerjakan secara duduk. Seseorang boleh melakukan ruku' dengan dahinya setentang lutut atau yang lebih utama setentang dengan tempat sujud.
- ii. Jika tidak berupaya duduk, hendaklah secara berbaring mengiringi di atas lambung kanan dan bahagian tubuh menghadap kiblat.
- iii. Jika tidak berupaya baring, hendaklah secara menelentang.
- iv. Jika tidak berupaya menelentang, hendaklah secara isyarat mata bagi menggantikan setiap pergerakan solat yang tidak mampu dilakukan.
- v. Jika tidak berupaya juga, hendaklah mengerjakan solat dengan hati, iaitu menggambarkan dirinya berdiri, rukuk, sujud dan seterusnya.

3.4 Rukhsah Musafir

Sekiranya perjalanan kapal selam dalam melaksanakan misi melebihi dua marhalah (48 batu / 89 km / 90.75 nautika) maka anak kapal mendapat rukhsah musafir seperti berikut:

- i. Mendirikan solat secara qasar dan jamak.

- ii. Gugur taklif menghadiri solat Jumaat dan digantikan dengan solat Zohor

3.5 Cara Menguruskan Jenazah

3.5.1 Ketika keadaan aman

- i. Sekiranya berada di perairan Malaysia, kapal selam perlulah timbul di permukaan air dan jenazah perlu dibawa ke daratan bagi tujuan pengkebumian di tanah perkuburan.
- ii. Sekiranya berada di luar perairan Malaysia, maka jenazah hendaklah ditayatumkan, disolatkan dan dikebumikan di laut.

3.5.2 Ketika dalam peperangan

- i. Sekiranya ruang peti sejuk mencukupi, jenazah diawet dengan bahan kimia kemudian disimpan dalam *body bag* secara berdiri sehingga selesai operasi peperangan; atau
- ii. Sekiranya ruang peti sejuk tidak mencukupi, jenazah perlu diikat seperti dalam keadaan duduk dan tunduk sebelum dimasukkan dalam *body bag*.

4. Penutup

Adalah diharapkan garis panduan ini dapat dipatuhi oleh anak kapal demi memastikan Syariat Islam dapat dipatuhi meskipun sedang dalam situasi mempertahankan keselamatan negara.